





LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI 2024

PRESTASI SOSIOEKONOMI NEGERI 2024



Struktur Ekonomi Negeri Mengikut Sektor (%)



Semua negeri mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif pada tahun 2024, disokong oleh perbelanjaan pelancongan domestik yang melebihi RM100 bilion

- Hampir semua negeri mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih baik berbanding tahun 2023. Lima (5) negeri mengatasi kadar nasional 5.1 peratus, didahului oleh Johor (6.4%), Selangor (6.3%), W.P. Kuala Lumpur (6.2%), Pahang (5.7%) dan W.P. Labuan (5.4%). Selain itu, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Perak merupakan penyumbang utama kepada KDNK Malaysia dengan sumbangan sebanyak 73.4 peratus (2023: 73.0%).
- Pertumbuhan ekonomi di hampir semua negeri dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang disokong oleh industri berkaitan pelancongan. Bilangan pelawat domestik meningkat kepada 260.1 juta orang (2023: 213.7 juta orang), mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 21.7 peratus. Perbelanjaan pelancongan domestik juga bertumbuh pada kadar 25.7 peratus tahun ke tahun kepada RM106.7 bilion. Perak, Selangor dan Pahang menerima ketibaan pelancong tertinggi pada 2024 iaitu masing-masing seramai 10.2 juta, 9.6 juta dan 9.5 juta orang.
- Dagangan Malaysia berjumlah RM2.9 trilion pada tahun 2024 dengan nilai eksport dan import masing-masing bernilai RM1.5 trilion dan RM1.4 trilion. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama Malaysia dengan sumbangan 32.8 peratus, diikuti Johor (20.3%), Selangor (17.6%), Sarawak (7.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%). Bagi import, Selangor menyumbang dengan syer sebanyak 26.0 peratus, diikuti Johor (23.0%), Pulau Pinang (21.4%), W.P. Kuala Lumpur (7.7%) dan Kedah (6.1%).
- Inflasi nasional mereda kepada 1.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 2.5 peratus pada tahun sebelum, dengan semua negeri menunjukkan peningkatan perlahan kecuali Pulau Pinang, yang meningkat lebih tinggi iaitu 3.0 peratus (2023: 2.2%), melebihi paras nasional. Selain Pulau Pinang, tiga (3) lagi negeri dengan kadar inflasi mengatasi nasional ialah Sarawak (2.4%), Pahang (2.4%) dan Selangor (2.1%).
- Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.6 mata peratus kepada 70.6 peratus (2023: 70.0%). Negeri yang merekodkan KPTB melebihi kadar nasional ialah W.P. Putrajaya, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Sabah. Kadar pengangguran juga semakin baik pada tahun 2024, memulih kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sepuluh (10) negeri merekodkan kadar pengangguran di bawah 3.2 peratus, iaitu W.P. Putrajaya, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Kedah, W.P. Kuala Lumpur, Terengganu dan Negeri Sembilan.

